TMOUCH aims to launch more Value Added Services in the year 2000. Mobile Fax and Data service is expected to be launched by the second quarter of 2000 and it would be followed with the trial run of Wireless Application Protocol (WAP) and General Packet Radio Services (GPRS) to further enhance the data service offerings to the market.



VADS SDN. BHD.



Abad yang ke 21 ini adalah satu abad yang begitu mencabar sekali. Perubahan bukan sahaja pesat malah perubahan itu adalah satu yang pasti berlaku. Sejauh mana kemampuan kita menerima dan berubah bersama perubahan ini memastikan kejayaan masa depan kita. VADS adalah di dalam kedudukan yang sungguh baik bagi menggunakan sepenuhnya peluang ini bagi pertumbuhan pada masa akan datang.



Yusuf Haji Ampuan Kechil
Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer

Dalam pada itu, perubahan paradigma kepada masyarakat tanpa wayar terutama di dalam dunia perniagaan telah menyedarkan syarikat-syarikat besar di seluruh dunia. Transaksi perniagaan boleh dilakukan pada waktu yang sebenar di mana sahaja di dunia ini. Perjanjian boleh dimeterai tanpa pertemuan dengan rakan niaga bisnes anda dan rakan kongsi terjalin dengan sentuhan jari pada 'tetikus'.

Perubahan dan pembangunan di dalam Teknologi Maklumat dan E-Dagang kini berlaku pada kelajuan hiper dan VADS mempunyai kelebihan dan kekuatan tersendiri bagi membantu pelanggan-pelanggan menyesuaikan perniagaan mereka dengan keadaan semasa.

VADS juga mengakui betapa pentingnya untuk respon kepada perubahan ini dengan cepat dan tepat. Dengan memberi perhatian kepada aspek ini, VADS telah memfokus semula kekuatannya untuk memenuhi permintaan senario perniagaan yang sentiasa berubah dan kini di bahagikan kepada empat pusat operasi utama iaitu International Data Network Services, National Network Services, System Integration dan E-Dagang/Internet.

Selain itu, VADS telah memperkemas tenaga kerjanya bagi mengurus portfolio klien yang kian bertambah. Ini juga telah meningkatkan pendapatan bersih yang mendadak berbanding tahun sebelumnya dalam jumlah peratus yang agak tinggi. Bagi VADS ini satu contoh yang baik untuk para pelanggan kerana perubahan dan transformasi harus bermula daripada dalam dahulu sebelum disebarkan kepada pelanggan. Senarai klien VADS telah berkembang kepada pelbagai syarikat multinasional yang terlibat di dalam bidang retail, industri minyak dan gas, produk-produk elektrik selain klien-klien berorientasikan perkhidmatan seperti insurans dan logistik serta pengedaran, yang berkhidmat dengan rangkaian pejabat terbesar di seluruh dunia.

VADS, sebagai perintis dalam menyediakan perkhidmatan rangkaian tambah nilai dan penyelesaian dagangan elektronik, merupakan rakan niaga yang strategik bagi perniagaan yang memerlukan cara kerja yang lebih efektif, lebih efisien dan lebih produktif.

The 21st century presents the greatest challenge for the world as we know it. Where the speed of change is as constant as change itself. The ability to evolve with these changes is what will determine our destinies. VADS is strategically positioned to capitalise and ride on these new engines of growth.

The paradigm shift to wireless community, especially in the business arena has been a wake-up call to corporations around the world. Business transactions can now be conducted in real time, anywhere in the world. Agreements can be sealed without ever meeting your business counterpart face to face and partnerships are formed with a click of a mouse.

Changes and developments in Information Technology and Electronic Commerce are occurring at hyper speed and this is where VADS possesses its greatest strengths, helping customers adapt their businesses in tune with the times.

VADS recognizes how crucial it is to respond swiftly and precisely to these changes. With this in mind, VADS has refocused its energies to meet the demands of this ever-changing business scenario and is now divided into four distinct specialists operating centres, namely International Data Network Services (IDS), National Network Services (NNS), System Integration (S.I) and E-Commerce/Internet.

VADS has also strengthened its workforce to manage the increasing portfolio of clients resulting in substantially increased net revenues from previous years by fairly astounding percentage. This speaks volumes for VADS itself, where the evolution and transformation has to take place internally before it can be spread to customers. VADS business clientele has expanded to numerous multi-nationals involved in retail, the oil & gas industry, electrical products and even service-oriented clients like insurance and logistics & distribution, who work with a large network of offices worldwide.

VADS, as a pioneer in providing value-added networking services and electronic commerce solutions, is the strategic business partner for businesses that need to work more effectively, more efficiently and more productively.



UNIVERSITI MULTIMEDIA



Kampus Universiti Multimedia Cyberjaya telah dirasmikan pada 9 Julai 1999 oleh Perdana Menteri yang disaksikan oleh delegasi-delegasi kehormat yang menghadiri MSC International Advisory Panel (IAP). Universiti Multimedia terletak di tengah-tengah MSC. Sempena pelancaran Universiti ini yang telah ditubuhkan pada tahun 1996 sebagai Universiti Telekom (Unitele), kini secara rasmi menggunakan nama Universiti Multimedia (MMU).



Prof. Dr. Ghauth Jasmon
Presiden Multimedia Universiti
President University Multimedia

MMU menawarkan program akademik yang berkualiti dalam bidang Kejuruteraan, IT, Pengurusan dan Multimedia Kreatif. Sepanjang tempoh pemerhatian, kursus-kursus baru telah diperkenalkan pada pengambilan bulan Januari iaitu kursus Kejuruteraan Teknikal, Ijazah Sarjana Kejuruteraan Telekomunikasi dan Kursus Intensif Bahasa Inggeris.

Kampus Cyberjaya melengkapkan kampus asalnya yang terletak di Melaka. Disebabkan lokasinya yang terletak di MSC disamping kehijauan alam sekitar, ia berjaya menghasilkan persekitaran yang terkini untuk IT yang dilengkapi dengan infrastruktur tercanggih termasuklah liputan LAN tanpa wayar, perkhidmatan pengurusan kampus bersepadu, bangunan pintar dan kemudahan E-purse serta teknologi kad pintar. Universiti ini juga menyediakan perkhidmatan IT kepada orang ramai dan sektor-sektor swasta yang merangkumi reka bentuk lamanweb, 'web hosting', produksi dan penyampaian multimedia, penghasilan video korporat dan CD-ROM, sistem dan aplikasi pengembangan serta penerbitan 'desktop'. Selaras dengan misinya untuk menyebarkan pengetahuan IT kepada orang ramai, pihak Universiti telah memperuntukkan dua buah makmal komputer untuk kegunaan awam secara percuma di kedua-dua kampusnya di Cyberjaya dan Melaka.

Universiti ini kini mempunyai 5,700 orang pelajar. Kedua-dua kampus sedang menjalani pembangunan yang pesat dan kerja-kerja 'landscaping' sebagai sebahagian daripada program untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang selesa.

Universiti ini terus mengadakan aktiviti kurikulum tambahan, dan menempah kejayaan melalui kerjasama dengan sektor-sektor awam dan swasta, institusi-institusi pendidikan dan rakan-rakan kongsi penyelidikan. Ini telah membuahkan hasil di dalam bentuk beberapa penajaan, pinjaman penyelidikan dan faedah sampingan lain.

Tahun 1999 telah mencipta sejarah penting bagi Universiti Multimedia. Kampus Cyberjaya telah terpilih sebagai sebuah institusi termoden bagi pendidikan IT dan akan dilihat sebagai contoh futuristik buat negara dalam usaha menyediakan pekerja-pekerja yang berpengetahuan disamping mewujudkan kesedaran pengetahuan secara menyeluruh dalam menghadapi era informasi.

The Multimedia University's Cyberjaya Campus was formally launched on July 9, 1999 by the Prime Minister witnessed by the distinguished delegates to the MSC's International Advisory Panel (IAP). It is situated at the heart of the MSC. In conjunction with the launch, the university established in 1996 as Universiti Telekom (Unitele), now officially adopted to the name Multimedia University (MMU).

MMU offers academic programmes of quality in the fields of Engineering, IT, Management and Creative Multimedia. During the course of the years under review, new courses were introduced with the January Intake in Technical Engineering, a Master in Engineering in Telecommunications and an Intensive English Course.

The Cyberjaya Campus complements the original campus at Melaka. By virtue of its location in the MSC and as a green field site, it has been able to create a state of the art environment for IT, equipped with the latest infrastructure including wireless LAN coverage, integrated campus management services, intelligent building and E-purse facilities and smart card technology. It provides IT services to the public and private sectors encompassing web designing, web hosting, multimedia presentation and production, corporate video and CD ROM production, system and application development and desktop publishing. In line with its mission to disseminate IT knowledge to the public, the University has dedicated two computer labs exclusively for public use, free of charge, in its Cyberjaya and Melaka campus respectively.

At present, the University has 5,700 students. Both campuses are undergoing extensive development and landscaping works, part of an ongoing programme to create an environment conducive to studying.

The University continues to engage in extra curricular activities, and succeeded over the course of the year in forging synergistic collaboration with the public and private sectors, academic institutions and research partners. This has yielded a number of sponsorships, research grants and other benefits.

1999 was a significant milestone in the history of the university. The Cyberjaya Campus ranks as the most advanced institution in the country for IT education and may be seen as a futuristic role model for the country's endeavour to supply knowledge workers and create a nation-wide knowledge consciousness in the Information Age.





PELABURAN ANTARABANGSA INTERNATIONAL VENTURES

INTERNATIONAL VENTURES DIVISION

International Ventures Division yang sebelum ini dikenali sebagai New Venture Division, telah ditubuhkan dalam tahun 1993 dengan tujuan untuk memperluaskan lagi pencapaian global Telekom Malaysia. Bahagian ini berperanan untuk membangun dan mengurus pelaburan pesisir pantai Kumpulan. Strategi utamanya adalah untuk mengenal pasti pasaran-pasaran baru dengan potensi pertumbuhan yang tinggi. Dengan pelaburan yang bijak dan amalan pengurusan yang baik, adalah menjadi matlamat Bahagian ini untuk menyokong misi jangka masa panjang Telekom Malaysia ke arah menjadi sebuah syarikat telekomunikasi antarabangsa dan bertaraf dunia.

Di samping itu, International Ventures Division turut aktif dalam mencari peluang baru dan melibatkan diri dalam perniagaan di luar negara. Sejajar dengan ini, peluang menjadi rakan kongsi ekuiti yang strategik dalam syarikat-syarikat telekomunikasi swasta negara lain dan menerusi perjanjian usahasama, sentiasa menjadi keutamaan. Sokongan operasi yang diberikan adalah dari segi teknikal, kewangan dan kepakaran pemasaran.

Adalah menjadi sasaran Bahagian ini untuk melakukan pelaburan pesisir yang dapat menyumbang 25% kepada keuntungan Kumpulan menjelang tahun 2001. Tahun 1999 merupakan penggabungan kepentingan sedia ada Syarikat dan memperkuatkan kehadirannya dalam syarikat subsidiari luar negara. Justeru itu pelaksanaan usahasama luar negara yang baru terpaksa ditangguhkan. Pelaburan semasa kini adalah USD 911 juta.

Prospek di Asia telah mengubah pandangan untuk tahun 2000. Dari segi teknikal kita sedang berusaha mendapatkan lesen ISP melalui syarikat subsidiari di pelbagai negara. Dari segi rangkaian, kita bercadang untuk menyediakan perkhidmatan telefon selular 3G iaitu perkhidmatan 'broadband' wayarles generasi ketiga. Kita juga melihat penyatuan sistem pengebilan talian tetap dan mudah alih.

Abad baru ini akan digerakkan ke hadapan oleh tenaga berkembar iaitu globalisasi dan teknologi, yang bermakna bahagian International Ventures akan menjadi bahagian paling penting dalam Telekom Malaysia sebagai kumpulan barisan hadapan dalam usaha merealisasikan operasi antarabangsa ini.

Usha Martin Telekom Limited, Calcutta, India

Di dalam syarikat ini, Telekom Malaysia mempunyai pemegang saham sebanyak 37.71%. Ia telah diberikan lesen untuk pemasangan dan operasi sebuah rangkaian telefon selular GSM di Calcutta, India.

Semenjak dilancarkan dalam bulan Mei 1995, UMTL telah memasuki tahun operasi komersil yang ke-4 di bawah jenama COMMAND. Syarikat ini juga menjalankan perkhidmatan kelui yang dikenali sebagai PageFirst untuk 7 buah bandar raya di negara tersebut. Menjelang akhir tahun 1999, COMMAND telah mempunyai lebih 36,977 pelanggan GSM yang aktif.

Dengan pertambahan bilangan pelanggan asas, syarikat ini telah memperkenalkan sistem pembilang baru untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggannya.

INTERNATIONAL VENTURES DIVISION

The International Ventures Division, formerly New Ventures Division was set up in 1993 to further Telekom Malaysia's bid to expand its global reach. The Division's role is to develop and manage the Groups' offshore investments. The key strategy is to identify emerging markets with high growth potential. It is hoped that smart investments and good management practice, will contribute to Telekom Malaysia's long-term mission to become an international and world class telecommunications company.

International Ventures Division's role is to actively seek new opportunities overseas, participating where possible as strategic equity partners in privatised foreign telecommunications companies and through joint venture arrangements. Operational support is made available in the way of technical, financial and marketing expertise.

The target is for offshore investments to contribute 25% to Group profits by the year 2001. 1999 was a year of consolidation of the Company's existing interests and strengthening our presence in overseas subsidiaries. The pursuit of new overseas ventures had to be deferred. Total investment currently stands at USD 911 million.

The outlook for 2000 shifts focus to prospects in Asia. On the technical side we are looking at acquiring ISP licenses through subsidiaries in various countries. On the network side we are planning to provide 3G cellular services i.e. the third generation of wireless broadband services. We are also looking at a convergence of our billing system combining fixed and mobile billings.

The new millennium will be carried forward by the twin forces of globalisation and technology, which means International Ventures is one of the most forward looking of Telekom Malaysia's Divisions, providing the shock troops in the ongoing effort to become a truly international operation.

Usha Martin Telekom Limited (UMTL), Calcutta, India

The company, in which Telekom Malaysia has a direct shareholding of 37.71%, has been issued a license to install and operate a GSM cellular network in Calcutta, India.

Launched in May 1995, UMTL enters into its 4th year of commercial operations under the brand name called COMMAND. The company also operates a paging service, known as PageFirst, to 7 cities in the country. By the end of 1999, COMMAND has over 36,977 active GSM customers.

With the increasing customer base, the company has introduced a new billing system in view of providing better service to its customers.



Dalam bulan September 1999, perkhidmatan prabayar yang dipanggil YESS MONEY telah dilancarkan. Kemudian, ianya telah dinaikkan taraf ke platform IN demi untuk memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan.

CALLTIGER.COM dan COMMAND pula telah membentuk satu hubungan bersekutu yang strategik untuk memperkenalkan sambungan terus Internet yang pertama di India menerusi perkhidmatan telefon selular yang dipanggil "Calltiger. Command". Perkhidmatan ini telah dilancarkan dengan jayanya dalam bulan Disember 1999.

MTN Networks (Private) Ltd., Sri Lanka

MTN Networks adalah sebuah syarikat subsidiari milik penuh Telekom Malaysia yang menjalankan perkhidmatan Rangkaian GSM yang dipanggil DIALOG GSM di Sri Lanka semenjak bulan April 1995. Pada akhir tahun 1999, MTN telah mempunyai pelanggan asas berjumlah 70,657 orang.

Perkhidmatan Perantauan Antarabangsa terus menjadi penyumbang hasil yang utama bagi MTN. Semakin banyak persetujuan telah ditandatangani dengan rakan kongsi perkhidmatan perantauan baru dan baru-baru ini, MTN telah menandatangani persetujuan perantauan dengan 105 operator di 62 buah negara di serata dunia.

Dalam bulan Julai 1999, syarikat ini telah berjaya melancarkan perkhidmatan prabayar yang dipanggil KIT (Keep In Touch) dan SARU. Ini nyata telah menambahkan sumber untuk perolehan hasilnya.

MTN Networks juga telah diiktiraf sebagai operator perkhidmatan telefon selular yang pertama di Selatan/Asia Tenggara dengan menerima perakuan ISO9002. Syarikat ini turut berjaya menganjurkan persidangan GSM Asia-Pacific (ApiG) dalam bulan Mac tahun ini.

Digital Phone Company Limited (DPC), Thailand

DPC adalah satu usahasama dengan Samart Corporation di Thailand. Telekom Malaysia telah menambahkan kepentingan pemegang sahamnya kepada 48.99% berbanding dengan sebelumnya sebanyak 33.3%.

DPC merupakan pembekal PCN1800 yang menyediakan perkhidmatan telefon selular di seluruh Thailand melalui jenama yang dipanggil DPC HELLO. DPC telah mempunyai lesen untuk menjalankan perkhidmatan untuk tempoh selama 15 bulan. Menjelang akhir tahun 1999, DPC mempunyai pelanggan seramai 140,000 orang.

Semasa tahun ulasan, syarikat ini telah menandatangani satu kontrak dengan NORTEL untuk rangkaian DPC memulakan perkhidmatan di "Greater Bangkok". Sejumlah 275 tapak BTS telah disasarkan dan segalanya dijangka siap menjelang Februari 2000. Buat masa ini DPC menjalankan perkhidmatan perantauan dengan rangkaian TAC

In September 1999, prepaid services called YESS MONEY was launched. It was later upgraded to IN platform to give better services.

CALLTIGER.COM and COMMAND formed a strategic alliance to introduce India's first Internet direct connectivity through cellular called "Calltiger.Command". The service was successfully launched in December 1999.

MTN Networks (Private) Ltd., Sri Lanka

MTN Networks is a wholly-owned subsidiary of Telekom Malaysia. It operates a GSM Network, called DIALOG GSM, in Sri Lanka since April 1995. At the end of 1999, MTN had a total customer base of 70,657.

International Roaming continues to become MTN's significant revenue contributor. More signing with new roaming partners were done and currently MTN has roaming agreements with 105 operators in 62 countries worldwide.

In July 1999, the company successfully launched its prepaid service called KIT (Keep In Touch) and SARU, adding more sources to its revenue stream.

MTN Networks is recognised as the first cellular operator in South/Southeast Asia to receive ISO9002 certification. The company also has successfully organised the GSM Asia-Pacific (ApiG) conference in March this year.

Digital Phone Company Limited (DPC), Thailand

DPC is a joint venture with Samart Corporation of Thailand. Telekom Malaysia has increased its shareholding stake to 48.99% from the previous stake of 33.3%.

DPC is a PCN1800 operator providing cellular services throughout Thailand through a brand name called DPC HELLO. DPC has the license to operate the services for a period of 15 years. At the end of 1999, DPC has a total of 140,000 customers.

During the year it signed a contract with NORTEL for the DPC network rollout in the Greater Bangkok. A total of 275 BTS sites are targeted to be completed by February 2000. DPC is currently roaming with TAC network.



*Mengeratkan hubungan melalui aktiviti bersama negara-negara lain
Strengthening the bond through joint activities with other countries*

Samart Corporation Public Company Limited

Dalam tahun 1997, Telekom Malaysia telah memperolehi kepentingan 24.99% dalam Samart; sebuah syarikat yang disenaraikan di bursa saham Thailand. Samart menjalankan perniagaan yang menyediakan perkhidmatan telekomunikasi nilai tambah, pengeluaran antena TV dan piring satelit, di samping menjadi pengedar alatan telekomunikasi.

Samart Corporation Public Company Limited

In 1997, Telekom Malaysia acquired a 24.99% stake in Samart; a public listed company in Thailand. Samart is involved in providing telecommunication value-added services, manufacturing TV antennas and satellite dishes as well as distributing telecommunications equipment.

TM International Bangladesh Limited (TMIB)

Telekom Malaysia memegang 70% kepentingan ekuiti di dalam syarikat usahasama ini, dengan A.K. Khan Group memegang baki kepentingan sebanyak 30%. Dilancarkan dalam bulan November 1997, usaha niaga ini memasuki tahun ke-3 ianya beroperasi di bawah jenama AKTEL.

TM International Bangladesh Limited (TMIB)

Telekom Malaysia holds a 70% equity stake in this joint venture company, with A.K. Khan Group holding the remaining 30%. Launched in November 1997, the business venture enters into its third year of operation under the brand name AKTEL.

TMIB memperolehi lesen selama 15 tahun untuk membekal perkhidmatan GSM di seluruh Bangladesh. Menjelang akhir tahun 1999, bilangan pelanggan asasnya mencecah 26,345 orang. Syarikat ini juga merancang untuk memulakan perkhidmatan Perantauan Antarabangsa dan Prabayar menjelang pertengahan tahun 2000.

TMIB has a 15-year license to provide GSM services throughout Bangladesh. By the end of 1999, the customer base has reached 26,345. The company is also planning to start its International Roaming and Prepaid services by middle of 2000.



Cambodia Samart Communications Co. Ltd. (CASACOM), Kemboja

Dalam tahun 1998, Telekom Malaysia memperoleh 51% kepentingan di dalam CASACOM yang bernilai USD 16 juta. Selain NMT 900, syarikat ini juga memegang satu lesen berasingan untuk menjalankan perkhidmatan GSM 900 di Kingdom of Cambodia.

Dalam bulan September 1999, syarikat ini telah melancarkan sistem prabayar berasaskan rangkaian GSM 900. Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen telah merasmikan pelancaran perkhidmatan GSM ini dalam bulan Disember 1999. Pada akhir tahun ulasan, rangkaian GSM 900 telah meraih sejumlah 4000 pelanggan, sementara NMT 900 telah mendapat pelanggan seramai 12,205 orang.

Syarikat ini juga merancang untuk memulakan perkhidmatan Perantauan Antarabangsa menjelang suku tahun pertama tahun 2000. Untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik, CASACOM turut merancang untuk memperluaskan liputan dan kapasiti rangkaianannya.

Telekom Networks (Malawi) Limited, Malawi

Telekom Networks Malawi adalah sebuah syarikat usahasama di antara Telekom Malaysia dengan Malawi Posts and Telecommunications Corporation (MPTC). Telekom Malaysia memegang 60% kepentingan pemegang saham sementara bakinya sebanyak 40% dipegang oleh MPTC. Syarikat ini membekal perkhidmatan telefon selular GSM 900 di seluruh Republik Malawi menerusi jenama yang dipanggil CALLPOINT.

Cambodia Samart Communications Co. Ltd. (CASACOM), Cambodia

In 1998, Telekom Malaysia acquired a 51% stake in CASACOM for USD 16 million. Besides NMT 900 the company is also holding a separate license to operate GSM 900 services in the Kingdom of Cambodia.

In September 1999, the company launched its pre-paid system based on the GSM900 network. The Prime Minister of Cambodia Hon. Mr. Hun Sen officially launched the GSM service in December 1999. At the end of the year, GSM900 network has a total of 4000 customers while NMT 900 has total of 12,205 customers.

The company is also planning to start its International Roaming service by the first quarter of 2000. In view of giving better services, CASACOM is planning to expand its network coverage and capacity.

Telekom Networks (Malawi) Limited, Malawi

Telekom Networks Malawi is a joint venture between Telekom Malaysia and Malawi Posts and Telecommunications Corporation (MPTC). Telekom Malaysia holds a 60% stake while the remaining 40% shareholding is held by MPTC. The company provides GSM900 cellular services throughout the Republic of Malawi through a brand name called CALLPOINT.



*Telekom Malaysia dan Malawi Post and Telecommunications Corporation - Rakan niaga di Malawi
Telekom Malaysia and Malawi Post and Telecommunications Corporation - Business partners in Malawi*



Dalam tahun 1999, sebuah badan berperaturan baru yang dipanggil MACRA telah ditubuhkan untuk menyelia perkara-perkara berperaturan yang berkaitan dengan telekomunikasi dan pelaburan baru. Satu lesen baru telah diberikan kepada TNM untuk membekal perkhidmatan GSM di Malawi untuk tempoh selama 15 tahun.

Menjelang akhir tahun ulasan, rangkaian ini telah dipermajui dan dinaikkan tarafnya demi memberi perkhidmatan yang lebih baik dan liputan yang lebih luas. Kapasiti suisnya, yang mana telah dilanggan kesemuanya, meningkat sehingga 30,000. Pada akhir tahun 1999, TMN telah mempunyai seramai 15,375 pelanggan.

TNM turut merancang untuk menawarkan perkhidmatan baru seperti Perantaraan Antarabangsa dan Prabayar dalam tahun 2000 bagi menambahkan perolehan hasilnya.

Ghana Telecommunications Company Limited

Telekom Malaysia mempunyai 25.5% kepentingan di dalam Ghana Telecommunications, menerusi G-Com Ltd., sebuah konsortium yang terdiri daripada tiga (3) rakan kongsi dari Ghana. Syarikat yang merupakan operator telekomunikasi kebangsaan Ghana ini mempunyai lesen selama 20 tahun untuk menjalankan perkhidmatan telekomunikasi di negara tersebut.

Rangkaian GSM ini telah dimulakan dengan sepenuhnya dalam tahun 1999 dan syarikat ini merancang untuk melancarkan perkhidmatan GSM dalam suku tahun pertama tahun 2000.

Penyempurnaan fasa 1 projek SDH pula telah menandakan satu lagi pencapaian syarikat ini dalam usahanya untuk menyediakan perkhidmatan rangkaian yang lebih baik. Projek ini telah dimulakan dalam tahun 1998 dan fasa seterusnya akan bermula dalam bulan Mac 2000.

Dalam tahun 1999, Ghana Telecom telah berjaya menyempurnakan pelbagai projek termasuk "Millennium Connection" dan "Operation Homowo Bonanza" yang mana bertujuan untuk mempercepatkan pemasangan talian baru.

Pada akhir tahun 1999, Ghana Telecom telah mempunyai 154,000 pelanggan.

Sotelgui SA, Republik Guinea

Menjelang akhir tahun 1995, Telekom Malaysia memperoleh 60% kepentingan di dalam Sotelgui dengan amaun bernilai USD 45 juta. Sotelgui adalah operator telekomunikasi kebangsaan Republik Guinea dan buat masa ini ia mempunyai lesen selama 10 tahun untuk membekal perkhidmatan PSTN, telefon selular dan Internet. Pada akhir tahun 1999, Sotelgui telah berjaya memperoleh lebih 43,000 pelanggan.

Sejajar dengan usaha untuk memperluaskan rangkaianannya, dalam tahun 1999, Sotelgui telah menandatangani kontrak baru dengan ALCO (Alcatel dari Jerman) untuk rangkaian tempatan; Dynac untuk rangkaian tempatan; Alcatel CIT France untuk perluasan GSM; Insys Solution untuk Perkhidmatan Pelanggan serta Sistem Pembilan (CCBS), dan PERNEC untuk suis digital di Conakry.

In 1999, a new regulatory body called MACRA was set up to oversee regulatory matters pertaining to telecommunications and new investments. A new license was issued to TNM to provide GSM services in Malawi for a period 15 years.

Towards the end of the year, the network has been upgraded and improved to give better services and wider coverage. The switch capacity, which is fully taken up, has been increased to 30,000. For the year ending 1999, TNM has a total of 15,375 customers.

TNM is planning to offer new services such as International Roaming and Prepaid in the year 2000 to increase its revenue.

Ghana Telecommunications Company Limited

Telekom Malaysia has a 25.5% stake in Ghana Telecommunications, through G-Com Ltd., a consortium formed with three (3) other Ghanaian partners. The company, which is the national telecommunications operator, has a 20-year license to operate telecommunications services in the country.

The roll out of the GSM network was completed in 1999 and the company is planning to launch its GSM service in the first quarter of 2000.

The completion of SDH project, phase 1, marked another achievement for the company in view of providing better network services. The project was initiated in 1998 and the next phase will commence in March 2000.

In 1999, Ghana Telecom successfully completed many projects including the "Millennium Connection" and "Operation Homowo Bonanza" which were aimed at accelerating the installation of new lines.

By the end of 1999, Ghana Telecom had a total of 154,000 customers.

Sotelgui SA, Republic of Guinea

Towards the end of 1995, Telekom Malaysia acquired a 60% stake in Sotelgui, amounting to a value of USD 45 million. Sotelgui is the national telecommunications operator and it currently has a 10-year license to offer PSTN, cellular and Internet services. For the year ending 1999, Sotelgui has succeeded in acquiring more than 43,000 customers.

In view of Sotelgui's network expansion, new contracts were signed in 1999 with ALCO (Alcatel Germany) for local network; Dynac for local network, Alcatel CIT France for GSM expansion; Insys Solution for the Customer Care and Billing System (CCBS), and PERNEC for digital switches in Conakry.



Telkom SA Limited

Pelaburan asing Telekom Malaysia yang paling besar masih di Telkom South Africa (TSA) – menerusi keahlian konsortium dengan SBC Communications (SBC) dari Amerika Syarikat. Telekom Malaysia mempunyai ekuiti sebanyak 12%, manakala SBC dan Kerajaan Afrika Selatan masing-masing memegang ekuiti sebanyak 18% dan 70%. Pelaburan Telekom Malaysia untuk ekuiti sebanyak 12% di dalam TSA adalah bernilai USD 504 juta pada bulan Mei 1997.

Peranan utama konsortium yang terdiri daripada SBC dan Telekom Malaysia ini adalah untuk memberi jaminan bahawa matlamat strategik berikut mesti dipenuhi dalam tempoh eksklusif selama lima tahun:

- i) Untuk memenuhi permintaan ekonomi yang berdaya saing bagi perkhidmatan telekomunikasi asas bagi seluruh rakyat Afrika Selatan menerusi satu rancangan permulaan rangkaian yang dipercepatkan, terutamanya di kawasan pedalaman.
- ii) Untuk menjadikan TSA sebuah syarikat bertaraf dunia.
- iii) Untuk membentuk pengurusan dan kemahiran teknikal yang diperlukan terutamanya di kalangan rakyat berkulit hitam di semua peringkat.
- iv) Untuk menjadikan tempat kerja sebagai representatif demografik Afrika Selatan.
- v) Untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan dengan melahirkan "masyarakat bermaklumat".

TSA telah diberikan lesen untuk membekal perkhidmatan telekomunikasi domestik dan antarabangsa bagi tempoh eksklusif selama 5 tahun di seluruh Afrika Selatan mulai bulan Mei 1997. Untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 1999, TSA telah memiliki aset total bernilai USD 6,180 juta dan memperolehi hasil yang melebihi USD 3,800 juta. Pada 31 Mac 1999, TSA telahpun mempunyai lebih 5.08 juta talian utama yang beroperasi. Vodacom, operator telefon selular GSM yang mana TSA mempunyai 50% ekuiti di dalamnya, telah membekal perkhidmatan kepada lebih 1.5 juta pelanggan dengan pusing ganti berjumlah USD 1,100 juta bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 1999.

Lesen yang diberikan kepada TSA memerlukan nya untuk menambah 2.7 juta talian (yang mana 70% daripadanya adalah di kawasan pedalaman) dalam tempoh eksklusif selama 5 tahun. Pada tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 1999, TSA telah memasang 800,638 talian baru dan 59,660 telefon awam. 71% daripada talian baru telah dipasang di kawasan pedalaman termasuk di sekolah, hospital dan pusat komuniti tempatan. Rangkaian komunikasi TSA pula akan dinaikkan ke taraf digital sepenuhnya menjelang akhir tahun 2000. Semenjak bulan Mei 1997, dengan usaha mempromosikan rangkaian telekomunikasi serta organisasi, dan pada masa yang sama menjalankan kerja membaiki serta memasang perkhidmatan baru, mutu perkhidmatan telah meningkat selaras dengan matlamat yang tertakluk dalam syarat pemberian lesen.

Buat masa ini 22 pegawai Telekom Malaysia dari pelbagai bidang dan kepakaran yang berbeza sedang bertugas di Telkom South Africa. Ini untuk memastikan syarat pemberian lesen dapat dipenuhi dari segi peruntukan perkhidmatan telekomunikasi dan kejayaan transformasi syarikat - termasuk pencapaian matlamat tindakan yang diperakui. Di samping itu, adalah menjadi objektif penting buat pegawai-pegawai Telekom Malaysia untuk memastikan TSA lebih berdaya saing.

Telkom SA Limited

Telkom Malaysia's largest foreign investment is still in Telkom South Africa (TSA) through its consortium with SBC Communications (SBC) of United States. Telekom Malaysia has an equity of 12% whereas SBC and the Government of South Africa hold 18% and 70% equity respectively. The investment of Telekom Malaysia for its 12% equity in TSA was USD 504 million in May 1997.

The key role of the consortium comprising SBC and Telekom Malaysia is to guarantee that the following strategic targets are met within the five-year exclusivity period:

- i) To satisfy economic viable demands for basic telecommunication services for all South Africans through an accelerated network rollout plan targeted mainly in the rural areas.
- ii) To transform TSA into a world-class company.
- iii) To build the required management and technical skills especially amongst the local black community at all levels.
- iv) To transform the workplace to be representative of the demographics of South Africa.
- v) To create economic growth and employment opportunities through the creation of an "information society".

TSA has been issued a license for 5-year exclusivity period commencing May 1997 to provide domestic and international telecommunication services for the whole of South Africa. For the financial year ending 31 March 1999, TSA had total assets of USD 6,180 million and its revenue for the year exceeded USD 3,800 million. As of 31st March 1999, TSA had more than 5.08 million main telephone lines in service. Vodacom, a GSM cellular operator in which TSA has a 50% equity, provided service to 1.5 million customers with a turnover of USD1,100 million for the financial year ending 31 March 1999.

The license granted to TSA requires TSA to add 2.7 million lines (of which 70% is in the rural areas) during the 5-year exclusivity period. At the financial year ending 31st March 1999, TSA had installed 800,638 new lines and 59,660 public phones. 71% of the new lines have been installed in the rural areas including schools, hospitals and local community centres. The total telecommunications network of TSA will be fully digitalised by the end of 2000. Since May 1997 with the improvements of the telecommunications network and organisation the mean time to install new services and repair services have improved in line with the license targets.

Telkom Malaysia has currently 22 of its officers from different fields and expertise working in Telkom South Africa to ensure that the license targets in terms of telecommunications service provision and the successful transformation of the company-including the affirmative action targets are met. Preparing TSA for competition is also an important objective for Telekom Malaysia officers.

